

UNTUK SIARAN SEGERA

01 September 2026

Blueleaf Energy & Universal Peak Capai Penutupan Kewangan Bersama UOB bagi Projek MyBeST 100MW/400MWh



Dari kiri ke kanan, barisan hadapan: En. Raghuram Natarajan (Ketua Pegawai Eksekutif, Blueleaf Energy), En. Frederick Chin (Pengarah Urusan, Ketua *Group Wholesale Banking and Markets*, UOB), Datuk Ir. Raj Kumar R Gopal Pillai (Ketua Pegawai Eksekutif, Universal Peak). **Dari kiri ke kanan, barisan belakang:** En. Anand Prakash (Ketua Pegawai Pelaburan, Blueleaf Energy), Pn. Yeo May-Teng (Pengarah Eksekutif, *Global Financial Institutions Group*, UOB), dan Dr. Sujaysen Raj Kumar (Pengarah Eksekutif, Universal Peak).

01 September 2026, SINGAPURA – Blueleaf Energy (Blueleaf), sebuah platform tenaga boleh baharu pan-Asia terkemuka yang dimiliki oleh dana yang diuruskan oleh Macquarie Asset Management, dan Universal Peak Sdn Bhd (UP), penyedia penyelesaian infrastruktur elektrik secara menyeluruh (turnkey) di Malaysia, hari ini mengumumkan bahawa mereka telah Berjaya mencapai penutupan kewangan (financial close) bersama UOB bagi projek Sistem Simpanan Tenaga Bateri (BESS) berskala utiliti berkapasiti 100 MW / 400 MWh.

Projek ini kini akan memasuki fasa pembinaan di bawah model Bina, Milik dan Operasi (Build, Own and Operate – BOO) dan disasarkan untuk mula beroperasi pada pertengahan tahun 2027.

Memacu Masa Depan Tenaga Bersih Malaysia

Sebagai salah satu projek utama di bawah program sulung Sistem Simpanan Tenaga Bateri Malaysia (MyBeST) yang diselia oleh Suruhanjaya Tenaga, kemudahan berkapasiti 100 MW / 400 MWh ini merupakan satu langkah penting ke arah merealisasikan sasaran Malaysia untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Negara (NETR).

Dibentuk secara strategik untuk memperkukuh kebolehpercayaan grid, meningkatkan fleksibiliti sistem serta membolehkan integrasi tenaga boleh baharu pada skala yang lebih besar, pencapaian projek ini hadir pada masa yang amat signifikan susulan pelancaran bidaan Solar Berskala Besar Pusingan Keenam (LSS6) pada Julai lalu.

Kedua-dua perkembangan ini mencerminkan momentum yang semakin pantas dan komitmen yang jelas ke arah membangunkan sistem grid tenaga Malaysia yang lebih hijau, berdaya tahan dan bersedia untuk menyokong peningkatan penggunaan tenaga boleh baharu.

Raghuram Natarajan, Ketua Pegawai Eksekutif Blueleaf Energy, berkata:

“Pencapaian penutupan kewangan bagi projek ini di bawah program sulung MyBeST merupakan satu pencapaian penting buat Blueleaf Energy dan rakan kongsi kami, selain membuktikan keupayaan kami dalam membangun, mendapatkan pembiayaan dan melaksanakan projek infrastruktur tenaga boleh baharu yang kompleks di seluruh Asia secara berkesan dan menepati masa. Projek ini bersama-sama dengan rangkaian projek pembangunan kami yang lain di Malaysia, mengukuhkan komitmen Blueleaf Energy terhadap agenda peralihan tenaga Malaysia dengan memperkukuh daya tahan grid serta membolehkan integrasi tenaga boleh baharu pada skala yang lebih besar. Bersama Universal Peak dan UOB, kami sedang menterjemahkan aspirasi peralihan tenaga Malaysia kepada infrastruktur yang boleh dibiayai, dilaksanakan dan memberi impak sebenar.”

Datuk Ir. Raj Kumar R Gopal Pillai, Ketua Pegawai Eksekutif Universal Peak, berkata:

“Pencapaian kewangan ini membawa kita selangkah lebih dekat untuk merealisasikan penyimpanan tenaga bertaraf dunia di Malaysia. Universal Peak amat berbesar hati untuk bekerjasama dengan Blueleaf Energy dan UOB dalam memperkukuh kebolehpercayaan grid serta mempercepatkan usaha negara ke arah masa depan yang neutral karbon.”

En. Frederick Chin, Ketua *Group Wholesale Banking and Markets*, UOB, berkata:

“Seiring dengan ASEAN yang terus mempergiatkan agenda peralihan tenaga, pelaburan dalam infrastruktur sokongan seperti sistem simpanan tenaga bateri akan memainkan peranan yang semakin penting dalam memperkukuh daya tahan grid serta menyokong integrasi tenaga boleh baharu. Projek penting ini menandakan satu lagi pencapaian dalam memajukan agenda peralihan tenaga Malaysia dan memperkukuhkan peranan tenaga simpanan dalam mewujudkan masa depan tenaga yang lebih mampan dan berdaya tahan. Kerjasama kami dengan Blueleaf Energy dan Universal Peak dalam projek transformatif ini menunjukkan bagaimana kerjasama strategik mampu menggerakkan modal pada skala yang besar. Di UOB, kami komited untuk menghubungkan modal, kepakaran dan kerjasama strategik bagi membantu pelanggan kami membuka peluang pertumbuhan mampan di seluruh ASEAN.”

Majlis Menandatangani Perjanjian & Prospek Projek

Pencapaian penutupan kewangan ini telah diraikan menerusi satu majlis menandatangani perjanjian secara rasmi yang diadakan di pejabat Blueleaf Energy di Singapura, dengan kehadiran wakil-wakil kanan daripada Blueleaf Energy, Universal Peak dan UOB.

Blueleaf Energy dan Universal Peak melalui Syarikat usaha sama mereka, BKHM BESS Sdn Bhd, kekal komited untuk melaksanakan infrastruktur tenaga kritikal ini dengan selamat, cekap dan selaras dengan aspirasi tenaga mampan Malaysia.

###

Hubungi Media: Press Contacts:

Jennifer Zdaniuk

Senior Marketing & Communications Manager
Blueleaf Energy
+65 8223 9198
jennifer.zdaniuk@blueleafenergy.com

Noor Hasliza Abdul Aziz

Manager, Public Relations
Universal Peak Sdn Bhd
+60 12946 4497
noorhasliza.a@universalpeak.com.my

Mengenai Blueleaf Energy

Blueleaf Energy ialah sebuah platform tenaga boleh baharu pan-Asia terkemuka yang membangunkan, membiayai, memiliki dan mengendalikan aset tenaga solar daratan, tenaga angin serta penyimpanan tenaga. Blueleaf Energy komited untuk mempercepatkan peralihan tenaga ke arah sifar bersih dan seterusnya dengan mengekalkan standard tertinggi dalam aspek alam sekitar, sosial, dan tadbir urus (ESG) serta keselamatan. Dengan memberi perkhidmatan kepada pelanggan korporat dan industry serta syarikat utility berskala besar, Blueleaf Energy menyediakan penyelesaian tenaga hijau yang kompetitif bagi membantu pelanggan mencapai sasaran kelestarian mereka.

Dimiliki oleh dana yang diuruskan oleh Macquarie Asset Management, Blueleaf Energy beroperasi di Asia Tenggara, India dan Jepun. Pada masa ini, syarikat mempunyai lebih daripada 1.3 GWp projek yang sedang beroperasi atau dalam pembinaan, selain rangkaian projek Pembangunan yang merangkumi lebih 12 GWp kapasiti penjanaan dan kira-kira 7 GWh aset penyimpanan tenaga.

Semua angka dan maklumat adalah setakat 31 Julai 2026.

Mengenai Universal Peak

Universal Peak ialah sebuah Syarikat infrastruktur tenaga dan kejuruteraan Malaysia yang menyediakan penyelesaian kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan (EPCC) merangkumi pencawang elektrik, sistem kabel bawah tanah, talian penghantaran atas talian serta infrastruktur sambungan grid. Penyelesaian ini turut disokong oleh portfolio produk dan perkhidmatan kuasa khusus yang semakin berkembang.

Seiring dengan perkembangan sektor tenaga Malaysia, Universal Peak sedang memperluaskan keupayaannya melangkaui infrastruktur grid konvensional kepada Sistem Simpanan Tenaga Bateri (BESS), integrasi tenaga boleh baharu serta perkhidmatan operasi dan penyelenggaraan (O&M) jangka panjang. Penyertaan Universal Peak dalam projek BESS berkapasiti 100 MW / 400 MWh ini sebagai pelabur projek dan rakan kongsi EPCC mencerminkan peranan syarikat dalam menyokong pembangunan infrastruktur penyimpanan tenaga kritikal bagi meningkatkan fleksibiliti grid dan integrasi tenaga boleh baharu.